

PELAN STRATEGIK JPJ

w w w . j p j . g o v . m y 2016-2020



PELAN STRATEGIK JPJ

w w w . j p j . g o v . m y 2016-2020



Kata-kata Aluan	03	Bab 4 • Strategi dan Formulasi Tindakan	
Bab 1 • Pendahuluan		Teras Strategik JPJ.....	28
Ringkasan Eksekutif	07	Aktiviti dan Pelan Tindakan	29
Model Kematangan Kelestarian JPJ.....	09	• Teras Strategik 1.....	30
Sejarah Penubuhan	10	• Teras Strategik 2.....	35
Struktur Organisasi JPJ.....	11	• Teras Strategik 3.....	39
Peranan JPJ.....	12	• Teras Strategik 4.....	44
Punca Kuasa.....	13	• Teras Strategik 5.....	52
Bab 2 • Senario Persekitaran		Bab 5 • Implementasi Ke Arah Kejayaan	
Pelanggan dan <i>Stakeholders</i>	15	Mekanisma Pelaksanaan.....	57
Agenda Transformasi Negara	16	Elemen Penentu Kejayaan	58
Model Arkitektur Bisnes JPJ	17	<i>The Way Forward</i>	59
Analisa Persekitaran: Cabaran dan Implikasi	18	Bab 6	
Bab 3 • Hala Tuju Strategik		Penutup	61
Visi, Misi dan Moto	24		
Kerangka Strategik JPJ	25		
Nilai-nilai Bersama	26		



PERUTUSAN YB Menteri Pengangkutan

Selamat Sejahtera,

Kementerian Pengangkutan (MOT) menyokong penuh hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Dokumen Pelan Strategik JPJ 2016-2020 merupakan kesinambungan Pelan Strategik MOT 2016-2020 untuk memastikan matlamat mewujudkan sistem pengangkutan yang *seamless*, berkesan dan selamat dapat direalisasikan. Kemudahan sistem pengangkutan pelbagai mod yang berkesan dan cekap akan merancakkan aktiviti sosio-ekonomi dalam kalangan industri dan masyarakat.

Kerjasama dan komitmen semua pihak amat diperlukan bagi memastikan Objektif, Teras Strategik dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini dapat dicapai dengan jayanya. Dengan kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik ini saya yakin kualiti perkhidmatan JPJ akan dapat ditingkatkan dan seterusnya iltizam untuk menyediakan sistem pengangkutan yang cekap, selamat dan berkesan akan dapat direalisasikan dengan terancang.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang idea dan kepakaran dalam menjayakan penerbitan dokumen Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini.

“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

YB. Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Pengangkutan Malaysia



PERUTUSAN

YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izinNya Pelan Strategik JPJ 2016-2020 dapat diterbitkan. Pelan Strategik JPJ 2016-2020 diwujudkan sebagai kesinambungan kepada Pelan Strategik MOT 2016-2020 bagi memastikan sektor pengangkutan terus berkembang dan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Hasrat Kementerian untuk menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara ini akan dapat dicapai sekiranya mempunyai hala tuju dan matlamat yang jelas yang dapat memandu Kementerian membangunkan strategi yang menyeluruh dan selari dengan aspirasi Kerajaan untuk mengutamakan pencapaian dan mendahulukan rakyat.

Menyedari keanjalan persekitaran dan peningkatan ekspektasi pelanggan serta bagi menyokong Pelan Strategik MOT 2016-2020, JPJ mewujudkan inisiatif-inisiatif strategik yang mengoptimumkan peruntukan dan modal insan dengan memberikan penekanan kepada latihan kepakaran untuk pegawai-pegawai JPJ selaras dengan hasrat untuk melahirkan *Subject Matter Expert (SME)* dan pakar rujuk. Peningkatan kadar kemalangan jalan raya, penguatkuasaan yang kurang berkesan serta pertindihan bidang kuasa adalah di antara cabaran-cabaran yang memerlukan JPJ untuk berfikir dan bertindak di luar kebiasaan. Tiada lagi *business-as-usual* bagi memastikan JPJ kekal relevan di arus perdana.

Besar harapan saya agar warga JPJ dapat bersama-sama menggembleng tenaga dan usaha untuk merealisasikan inisiatif-inisiatif strategik yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini. Semoga Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini mampu meningkatkan kredibiliti, imej dan reputasi JPJ dalam kalangan pemain industri, masyarakat serta pihak berkepentingan yang lain. Akhir kalam, syabas dan selamat maju jaya.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia



PERUTUSAN

YBhg. Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Illahi dan syabas kepada semua yang terlibat, khususnya kepada Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JPJ 2016-2020 yang diselaraskan Bahagian Korporat dan Perancangan Strategik serta dengan kerjasama pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri atas kejayaan menghasilkan pelan ini. Penerbitan Pelan Strategik JPJ 2016-2020 merupakan satu usaha yang selaras dengan Dasar Transformasi Negara bagi menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini telah menetapkan dengan jelas sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, kuantiti dan akses dalam tempoh empat (4) tahun. Perancangan teliti dalam jangka masa ini akan melibatkan transformasi menyeluruh struktur dan pengurusan sistem serta pelaksanaan inisiatif strategik yang menjurus kepada keberhasilan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan. Melalui pelaksanaan pelan ini, peningkatan kecekapan dan perubahan pengurusan sumber telah dirancang bagi membolehkan sistem penyampaian perkhidmatan JPJ lebih telus, responsif dan berfokuskan kepada keberhasilan.

Sesungguhnya saya berharap penerbitan dan pelaksanaan Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini dapat meletakkan JPJ bukan sahaja relevan tetapi menjadi sebuah agensi yang terkenal dan unggul dengan warga kerja yang komited, berintegriti, telus dan mengekalkan profesionalisme yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan JPJ yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Akhir kata, sekalung penghargaan kepada semua warga JPJ di atas sumbangan gigih dan dedikasi dalam melaksanakan pelan Strategik JPJ 2016-2020. Saya percaya Pelan ini dapat dijayakan dengan usaha bersepadu kita sebagai satu pasukan.

Dato' Sri Nadzri Siron

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

BAB 01

PENDAHULUAN

“Setiap penjawat awam adalah agen transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan kerajaan. Perkhidmatan Awam yang bertunjang dan berpaksikan rakyat diikat hubungan dengan tersemainya kebolehpercayaan dalam memberikan khidmat paling murni tanpa mengira tempat, masa dan rupa.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia ialah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang bertanggungjawab dalam mengawal selia kenderaan motor, pemandu dan lalu lintas jalan supaya selamat dan efisien serta menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 serta Kaedah Pengangkutan Jalan.

JPJ telah mengalami perubahan dari segi peranan dan fungsi sejak penubuhannya bagi disesuaikan mengikut keperluan dan kehendak semasa. Pelan Strategik JPJ 2016-2020 merupakan hasil penambahbaikan dan semakan yang dibuat ke atas Pelan Strategik JPJ 2011-2015. Berasaskan kepada senario persekitaran semasa, JPJ akan berhadapan dengan beberapa cabaran utama yang dikenal pasti akan memberi impak besar kepada prestasi dan imej JPJ. Penambahbaikan ke atas pelan strategik JPJ 2016-2020 dibuat berdasarkan realiti baharu yang penuh cabaran dan tribulasi bagi memenuhi tuntutan rakyat sejajar dengan perkembangan sosial dan ekonomi semasa negara.

Pelan strategik ini penting untuk menyokong transformasi sistem pengangkutan negara ke arah sistem pengangkutan bersepadu dan bertaraf dunia. Pengemaskinian pelan strategik ini juga dapat dijadikan sebagai panduan kepada warga kerja JPJ dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan dan pihak berkepentingan. Dokumen ini menggariskan lima teras utama Pelan Strategik JPJ secara terperinci sebagai kesinambungan transformasi sistem pengangkutan negara bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Hasil daripada semakan dan penambahbaikan pelan strategik ini, lima teras strategik yang telah dirangka dan ditetapkan iaitu:


- i) Memperkasa sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan supaya bersistematik, berintegriti dan inovatif;
- ii) Memperkasakan sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang efisien bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat;
- iii) Memperkasakan industri kejuruteraan automotif melalui pembinaan dan penggunaan kenderaan yang mematuhi piawaian antarabangsa supaya selamat digunakan di jalan raya;
- iv) Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya; dan
- v) Memperkasakan tadbir urus dan integriti Jabatan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

Berdasarkan aspirasi Teras Strategik tersebut, Pelan Strategik 2016-2020 ini menyasarkan pembangunan aplikasi dan penggunaan ICT di JPJ yang berupaya menyediakan kemudahan perkhidmatan pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan berintegriti tinggi bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan serta lebih bersedia dalam memenuhi tuntutan semasa dan peningkatan ekspektasi di masa hadapan.

Pelan Strategik 2016-2020 ini juga menetapkan perancangan pengurusan bakat berasaskan data bagi mengenalpasti, membangun dan mengekalkan warga berbakat JPJ. Pendekatan holistik melalui strategi laluan kerjaya yang terancang dapat memastikan proses pembangunan diri berlaku dan penawaran sumber manusia yang bernilai tinggi iaitu warga kerja yang kompeten, responsif, kreatif dan sentiasa mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam semua aspek di Jabatan dapat dipertingkatkan dan dikekalkan.


RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam konteks ini, pelan ini menetapkan objektif Pelan Strategik 2016-2020 yang juga merupakan objektif Transformasi Jabatan Pengangkutan Jalan untuk dicapai adalah seperti berikut;



Sehubungan itu, diharap semua warga kerja JPJ dapat berganding bahu bagi menggembeng tenaga untuk memacu pelaksanaan kesemua lima teras strategik yang telah digariskan dalam pelan ini bagi merealisasikan Visi dan Misi serta objektif Pelan Strategik JPJ 2016-2020 ini dengan jayanya.

MODEL KEMATANGAN KELESTARIAN JPJ



SEJARAH PENUBUHAN

1899

Ditubuhkan seawal 1899 melalui Enakmen Kenderaan, 1899.

01

1937

Enakmen Lalu Lintas 1937 diperkenalkan dan penubuhan Lembaga Pengangkutan Jalan.

02

1946

1 April 1946, LPJ digantikan dengan Pejabat Pendaftar dan Pemeriksa Kereta Motor (Registrar & Inspector of Motor Vehicles) atau RIMV.

03

1958

Ordinan Lalulintas (Road Traffic Ordinance) 1958 dikuatkuasakan.

04

1978

1978 - RIMV diganti dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

05

1987

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memperkasakan peranan Jabatan Pengangkutan Jalan melalui peluasan bidang kuasa penguatkuasaan dalam mengawal selia kenderaan motor, pemandu dan lalulintas jalan supaya selamat dan efisien melalui kerangka baru Akta Pengangkutan Jalan 1987.

06

1988

1 Januari 1988 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dikuatkuasakan menggantikan Ordinan Lalulintas 1958.

07

1992

Kerajaan telah meluluskan pembangunan program transformasi sistem penyampaian perkhidmatan JPJ melalui penggunaan ICT yang dikenali Sistem Informasi Kenderaan dan Pemandu (SIKAP) bagi menyediakan kemudahan perkhidmatan pelbagai saluran dengan cepat, cekap, berkesan dan telus.


08

2010

Kerajaan telah meluluskan projek Pembangunan Semula Sistem Pengkomputeran JPJ yang dikenali sebagai mySiKAP bagi menghasilkan sistem penyampaian berteknologi tinggi dan responsif yang dapat memberikan manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

09

STRUKTUR ORGANISASI JPJ



PERANAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

01

Menyediakan Perkhidmatan dan Memungut hasil Negara

Jabatan Pengangkutan Jalan berperanan menyediakan penyampaian perkhidmatan bagi memungut hasil Negara melalui kutipan cukai dan pelbagai bayaran urusniaga pelesenan kenderaan motor, pelesenan pemandu dan penguatkuasaan.

02

Memberi khidmat kepakaran bagi menjana perkembangan industri automotif Negara

Jabatan Pengangkutan Jalan berperanan sebagai fasilitator kepada sektor swasta bagi memastikan sektor automotif Negara dapat berkembang maju selaras dengan keperluan dasar kerajaan.

03

Memberi khidmat kepakaran bagi memastikan sistem pendidikan pemandu yang berkualiti tinggi

Jabatan Pengangkutan Jalan berperanan sebagai fasilitator dalam melaksanakan sistem latihan dan pendidikan pemandu yang komprehensif kepada institusi pendidikan pemandu bagi melahirkan pemandu yang kompeten untuk mencapai usaha mengurangkan kemalangan dan mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat.

04

Menguatkuasakan peruntukan Undang-Undang

Jabatan Pengangkutan Jalan berperanan untuk memastikan peruntukan undang-undang pengangkutan jalan dilaksanakan dengan berintegriti serta dipatuhi oleh pengguna jalan raya bagi mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat.

05

Mewujudkan jaringan kerjasama korporat yang erat dengan rakan niaga

Jabatan Pengangkutan Jalan berperanan membantu meningkatkan kecekapan, perkembangan dan daya saing industri pengangkutan jalan melalui perkongsian maklumat, ketepatan data dan kepantasan membuat keputusan.

PUNCA KUASA



BAB 02

SENARIO PERSEKITARAN

“Penjawat awam hendaklah memastikan mereka setiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi “figura contoh” kepada masyarakat terutama dalam bidang keilmuan, budaya berfikir dan adab. Mereka juga harus meluaskan pembacaan, mengasah pemikiran, mempergiatkan latihan dan meningkatkan amalan budaya ilmu.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

PELANGGAN DAN STAKEHOLDERS

STAKEHOLDERS


1. YB Menteri
Pengangkutan Malaysia
2. Ketua Setiausaha Negara
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia

PELANGGAN AGENSI

1. Pemilik berdaftar kenderaan motor
2. Pemegang-pemegang lesen memandu
3. Anggota Pentadbiran Kerajaan
4. Agensi-agensi Kerajaan, badan berkanun, badan bukan kerajaan, pertubuhan dan swasta
5. Pengusaha dan pengajar institusi memandu
6. Pengimport, pembuat dan penjual kenderaan motor
7. Pembaik kenderaan motor
8. Pelawat atau pelancong asing
9. Pengguna-pengguna jalan raya
10. Ketua-ketua Kerajaan dan Diplomat Asing

RAKAN STRATEGIK

1. Agensi Kerajaan
2. Institusi Penyelidikan
3. Agensi Antarabangsa
4. Industri Automotif
5. Penyedia Perkhidmatan



AGENDA TRANSFORMASI NEGARA


Wawasan 2020 bermatlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Wawasan ini mengaspirasi pembangunan ekonomi negara yang mapan dan inklusif dan menuntut keperluan transformasi dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dapat digembelng secara optimum.

Empat tonggak transformasi negara iaitu 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi dan Model baru Ekonomi merupakan agenda perubahan serta usaha Kerajaan untuk menuju ke arah Wawasan 2020. Keterangan setiap tonggak adalah seperti dalam rajah.


Sejajar dengan empat tonggak transformasi negara dan sebagai penerus serta pelengkap untuk mencapai Wawasan 2020, RMKe-11 2016-2020 yang

bertemakan “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat” diteruskan yang merupakan komitmen Kerajaan untuk menjayakan agenda transformasi dengan penekanan kepada kesejahteraan rakyat serta komitmen untuk memastikan pertumbuhan yang inklusif dan mampan.

Sehubungan itu, Sektor awam seperti JPJ juga perlu bergerak ke arah penyampaian perkhidmatan berkualiti berteraskan keperluan rakyat sebagaimana digariskan dalam RMKe-11 yang menuntut pendekatan kreatif dan inovatif menerusi penambahbaikan proses penyampaian dan usaha keselamatan jalan raya bagi kesejahteraan rakyat, dan seterusnya mendepani perubahan melalui penggunaan ICT untuk terus mencipta mekanisma baharu yang berteraskan kepada kreativiti dan inovasi untuk terus kekal relevan.




MODEL ARKITEKTUR BISNES JPJ



ANALISA PERSEKITARAN: CABARAN DAN IMPLIKASI

CABARAN

**Bilangan kenderaan berdaftar 2011-2016 dan
unjuran bagi tahun 2017-2020**



IMPLIKASI

Bilangan Kenderaan Berdaftar di Malaysia

- Pola aliran menunjukkan kenaikan sekata (linear) daripada 2011 sehingga 2016.
- Jika lanskap permintaan ke atas kenderaan bermotor tidak banyak berubah, unjuran bagi tahun 2017-2020 akan mengikut pola aliran yang sama (contoh; kenderaan akan lebih banyak didaftarkan dan berada di jalan raya).


Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan

- **Teras Strategik 1**
Memperkasa sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan supaya bersistematik, berintegriti dan inovatif.
- **Teras Strategik 3**
Memperkasa industri kejuruteraan automotif melalui pembinaan dan penggunaan kenderaan yang mematuhi piawaian antarabangsa supaya selamat digunakan di jalan raya.
- **Teras Strategik 4**
Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya.

**ANALISA PERSEKITARAN:
CABARAN DAN IMPLIKASI**

CABARAN

Bilangan Urusniaga JPJ 2011-2016 dan unjuran tahun 2017-2020



IMPLIKASI

Bilangan Urusniaga

- Pola aliran agak turun naik daripada 2011 sehingga 2016. Walau bagaimanapun, secara kasarnya menunjukkan peningkatan bilangan urusniaga bagi tahun yang seterusnya (2017-2020).
- Bagi 2017 dan seterusnya, jika prestasi urusniaga adalah mengikut pola aliran yang sama, maka boleh dianggarkan peningkatan mendadak akan turut berlaku untuk tahun yang seterusnya.

Hasil Kutipan

- Pola aliran menunjukkan kenaikan sekata (linear) daripada 2011 sehingga 2016.
- Jika lanskap penyampaian perkhidmatan JPJ tidak banyak berubah, unjuran bagi tahun 2017-2020 akan mengikut pola aliran yang sama (contoh; kutipan akan meningkat) Melalui pelaksanaan sistem AWAS-KEJARA: diunjurkan peningkatan hasil mungkin lebih mendadak untuk beberapa tahun awal pelaksanaan.


Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan

- **Teras Strategik 1**
Memperkasa sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan supaya bersistematik, berintegriti dan inovatif.
- **Teras Strategik 2**
Memperkasa sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang efisien bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat.
- **Teras Strategik 3**
Memperkasa industri kejuruteraan automotif melalui pembinaan dan penggunaan kenderaan yang mematuhi piawaian antarabangsa supaya selamat digunakan di jalan raya.
- **Teras Strategik 4**
Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya.

ANALISA PERSEKITARAN: CABARAN DAN IMPLIKASI

CABARAN

**Bilangan Pemegang Lesen Memandu Malaysia
2011-2016 dan unjuran bagi tahun 2017-2020**



IMPLIKASI

Bilangan Pemegang Lesen Memandu Malaysia

- Pola aliran menunjukkan kenaikan sekata (linear) daripada 2011 sehingga 2016.
- Jika lanskap permintaan Lesen Memandu tidak banyak berubah, unjuran bagi tahun 2017-2020 akan mengikut pola aliran yang sama (iaitu pemandu akan bertambah).

Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan


- **Teras Strategik 2**
Memperkasa sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang efisien bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat.
- **Teras Strategik 4**
Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya.
- **Teras Strategik 5**
Memperkasa tadbir urus dan integriti Jabatan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

**ANALISA PERSEKITARAN:
CABARAN DAN IMPLIKASI**

CABARAN

IMPLIKASI

Tren Kemalangan Jalan Raya di Malaysia 1990-2020



Tren Kemalangan Jalan Raya di Malaysia

- Pada 2020, sasaran pengurangan kemalangan jalan raya ialah separuh (50%) daripada unjuran.
- Pola aliran masih tidak menunjukkan perubahan yang diinginkan, iaitu semakin menaik dan tersasar daripada sasaran Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014-2020.

Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan


- Teras Strategik 1
Memperkasa sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan supaya bersistematik, berintegriti dan inovatif.
- Teras Strategik 2
Memperkasa sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang efisien bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat.
- Teras Strategik 3
Memperkasa industri kejuruteraan automotif melalui pembinaan dan penggunaan kenderaan yang mematuhi piawaian antarabangsa supaya selamat digunakan di jalan raya.
- Teras Strategik 4
Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya.

ANALISA PERSEKITARAN: CABARAN DAN IMPLIKASI

CABARAN

IMPLIKASI

Pengurusan Bakat dan Integriti



Pengurusan Bakat dan Integriti

- Berdasarkan tren semasa, terdapat keperluan pembangunan modal insan yang lebih kompeten & profesional iaitu mengatasi masalah "*talent mismatch*", melalui latihan, agihan tugas dan pelan penggantian yang berkesan.
- Pengurusan bakat dan pembangunan *multitasking* yang melangkaui kerja rutin.
- Membudayakan nilai, berintegriti tinggi dan mengamalkan kerja berpasukan.
- Mengamalkan komunikasi berkesan yang holistik.

Inisiatif Strategik dan Pelan Tindakan

- Teras Strategik 5
Memperkasa tadbir urus dan integriti Jabatan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan.

BAB 03

HALA TUJU STRATEGIK

“Amalan kerja terbaik adalah cerminan kewibawaan penjawat awam. Mereka mesti bersungguh-sungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, menepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi, supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani dan melaksanakan engagement dengan rakyat dalam melaksanakan tugas.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

VISI, MISI DAN MOTO

01

VISI

Menjadi Organisasi Pengurusan Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan Bertaraf Dunia Pada Tahun 2020.

02


MISI

Mentadbir Dan Mengawal Selia Pengangkutan Jalan Supaya Selamat Dan Efisien Melalui Penguatkuasaan Dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap, Berintegriti Dan Berteknologi Tinggi Bagi Memenuhi Keperluan Pelanggan Dan Negara.


03

MOTO

Mesra, Cekap, Telus



KERANGKA STRATEGIK JPJ



NILAI-NILAI BERSAMA



BAB 04

STRATEGI DAN FORMULASI TINDAKAN

“Keberhasilan penting bagi meningkatkan kualiti kerja dengan bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI). Dengan itu budaya keberhasilan akan melahirkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang. Hasilnya seringkali dilihat dalam bentuk atau julat yang melebihi jangkaan atau berganda-ganda, berbanding dengan *output based* di mana hasilnya boleh dijangka.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

TERAS STRATEGIK JPJ 2016 - 2020

Berdasarkan cabaran persekitaran semasa, Teras Strategik Jabatan Pengangkutan Jalan 2016-2020 adalah seperti berikut:

TERAS 1



Memperkasa sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan supaya bersistematik, berintegriti dan inovatif

TERAS 2



Memperkasa sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang efisien bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat

TERAS 3



Mengawal selia pengurusan industri kejuruteraan automotif untuk memenuhi dasar dan piawaian

TERAS 4



Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang pengangkutan jalan dengan komited dan berintegriti untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai budaya kepatuhan kepada peraturan jalan raya

TERAS 5



Memperkasakan tadbir urus dan integriti jabatan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASA SISTEM PENDAFTARAN DAN PELESENAN
KENDERAAN SUPAYA BERSISTEMATIK, BERINTEGRITI DAN
INOVATIF

“Jika kita ingin kekal maju, budaya kreativiti dan inovasi adalah suatu kemestian. Budaya ini berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif yang merangkumi aspek modal intelektual, berupaya menghasikan idea-idea baharu, produk ciptaan terkini dan rekaan yang boleh dikomersilkan bagi menjana peluang kekayaan serta ekonomi negara.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASA SISTEM PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN SUPAYA BERSISTEMATIK, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 1: Mengoptimumkan penggunaan saluran perkhidmatan online	1. Mengurangkan bilangan kaunter perkhidmatan pendaftaran dan pelesenan kenderaan	Peratus pengurangan kaunter Peratus penggunaan saluran <i>online</i>	70% dikurangkan 80% penggunaan saluran <i>online</i>	2016 - 2020 2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	2. Mewajibkan penggunaan modul <i>online registration</i> kenderaan secara <i>online</i> kepada penjual /pedegar kenderaan	Peratus penggunaan modul <i>online registration</i>	100% - motokar persendirian & motosikal 100% - kenderaan perdagangan	2016 - 2018 2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	3. Perkhidmatan penghantaran <i>disk</i> LKM yang diperbaharui secara <i>online</i>	Peratus / Liputan perkhidmatan	Lembah Kelang Semenanjung Sabah & Sarawak	2017 2018 2019	Pelesenan Kenderaan (L)
	4. Pengujudan & Promosi ID Awam <i>mySIKAP</i>	Peratus pemilik kenderaan yang memiliki ID <i>mySIKAP</i>	80% pemilik kenderaan memiliki ID	2016 - 2020	Korporat & Perancangan Strategik (C)
	5. Vehicle Ownership Certificate (VOC) menggantikan Registration Card (RC)	Fasa pelaksanaan	Fasa ketiga dilaksanakan mulai 2017	2017 - 2019	Pelesenan Kenderaan (L)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASA SISTEM PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN SUPAYA BERSISTEMATIK,
BERINTEGRITI DAN INOVATIF

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 2: Menghapuskan kelompangan melalui penyelarasan sistem mySikap dan SOP	1. Mengkaji semula & menambahbaik SOP selari dengan perubahan undang-undang dan dasar	Bilangan Program diadakan	Sekurang-kurangnya sekali setahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	2. Program taklimat & latihan penggunaan sistem & SOP	Bilangan Program diadakan	Sekurang-kurangnya sekali setahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	3. Kajian dan penyusunan semula aras capaian sistem selaras dengan kawalan dalam SOP	Peratus skop kajian berdasarkan bilangan urusniaga	100%	2017	Pelesenan Kenderaan (L) & Teknologi Maklumat (IT)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKASA SISTEM PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN SUPAYA BERSISTEMATIK, BERINTEGRITI DAN INOVATIF

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 3: Memperluaskan jaringan integrasi dengan rakan strategik JPJ bagi mewujudkan sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan yang cekap dan berkesan (seamless)	1. Meningkatkan integrasi sistem dengan agensi penyumbang data bagi urusan pendaftaran dan pelesenan kenderaan	Peratus integrasi	100%	2020	Pelesenan Kenderaan (L) & Teknologi Maklumat (IT)
	2. Memperluaskan kaedah semakan maklumat kenderaan berbayar secara online	Bilangan integrasi	Sekurang-kurangnya dua agensi dalam tempoh 5 tahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L) & Teknologi Maklumat (IT)
	3. LKM (Cukai jalan) dalam tag RFID	Sistem selesai dibangunkan	2020	2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	4. Taskforce JPJ-JKDM	Bilangan Mesyuarat	4 kali setahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	5. Pembangunan SOP bersama rakan strategik melalui pendekatan NBOS	Bilangan SOP	Sekurang-kurangnya 1 SOP baharu setahun Sekurang-kurangnya sekali Kajian semula SOP sedia ada setahun	2016 - 2020 2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	6. Pembaharuan LKM di PUSPAKOM	Tarikh program dilaksanakan	2017	2017	Pelesenan Kenderaan (L)

**AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN
TERAS STRATEGIK 1**

**MEMPERKASA SISTEM PENDAFTARAN DAN PELESENAN KENDERAAN SUPAYA BERSISTEMATIK,
BERINTEGRITI DAN INOVATIF**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATUSAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 4: Meningkatkan kutipan hasil melalui pengenalan inisiatif-inisiatif baharu	1. Penawaran nombor pendaftaran klasik	Peratus peningkatan kutipan hasil	5% peningkatan kutipan hasil nombor	2017	Pelesenan Kenderaan (L)
	2. Penawaran nombor pendaftaran korporat	Peratus peningkatan kutipan hasil	10% peningkatan kutipan hasil nombor	2017	Pelesenan Kenderaan (L)
	3. Sistem bidaan nombor pendaftaran secara <i>online</i> (<i>e-bidding</i>)	Peratus peningkatan kutipan hasil	5% peningkatan kutipan hasil nombor	2018	Pelesenan Kenderaan (L)
	4. Vehicle Entry Permit (VEP) & Road Charge (CP)	Jumlah kutipan hasil baharu	RM140 juta setahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
	5. Semakan semula kadar fi bagi urusniaga pendaftaran dan pelesenan kenderaan	Jumlah kutipan hasil baharu	RM130 juta setahun	2016 - 2020	Pelesenan Kenderaan (L)
Strategi 5: Mewujudkan sistem pengangkutan jalan mapan melalui sistem pendaftaran dan pelesenan kenderaan berteraskan teknologi hijau	1. Kajian pelaksanaan dasar <i>End of Life Vehicle</i> (ELV)	Tempoh kajian dilaksanakan	2017	2017	Pelesenan Kenderaan (L) & Kejuruteraan Automotif (KA)
	2. Kajian penetapan kadar LKM berdasarkan kadar pelepasan karbon	Tempoh kajian dilaksanakan	2017	2017	Pelesenan Kenderaan (L)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN SISTEM LATIHAN, PENGUJIAN DAN PELESENAN PEMANDU YANG EFISIEN BAGI MELAHIRKAN PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR YANG KOMPETEN DAN SELAMAT

“Amalan kerja biasa perlu diganti dengan amalan kerja yang luar biasa menerusi faktor kompetensi. Budaya kerja harian seharusnya diberi nilai tambah supaya menjadi lebih produktif dan berdaya saing serta tidak harus kekal bergerak pada tahap yang sama atau di takuk lama.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN SISTEM LATIHAN, PENGUJIAN DAN PELESENAN PEMANDU YANG EFISIEN BAGI MELAHIRKAN PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR YANG KOMPETEN DAN SELAMAT

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 1: Memperkasa pelaksanaan kurikulum pendidikan pemandu berteraskan hasil pembelajaran	1. Penambahbaikan pelaksanaan KPP berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan	Bilangan penambahbaikan pelaksanaan KPP Motosikal & Motokar	(1) satu penilaian pada tahun 2017 & (1) satu penambahbaikan dilaksanakan pada tahun 2019	2016 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
		Bilangan penambahbaikan Kurikulum Lesen mengendali jentera	(1) satu Kurikulum lesen mengendali jentera baru dilaksanakan pada 2018	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
		Pelaksanaan modul KEJARA baru	(1) satu modul KEJARA baru dilaksanakan	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
Strategi 2: Pemantapan sistem akreditasi Institut Memandu	1. Penambahbaikan manual sistem penggedan IM	Bilangan penambahbaikan pelaksanaan manual penggedan IM	Satu Manual baru diterbitkan dan dilaksanakan pada tahun 2017 & 2019	2016 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
	2. Pelaksanaan SOP Latihan & Operasi IM	Bilangan penambahbaikan pelaksanaan SOP latihan & Operasi IM	Sekurang-kurangnya dua SOP baru diterbitkan dan dilaksanakan pada akhir tahun 2018	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN SISTEM LATIHAN, PENGUJIAN DAN PELESENAN PEMANDU YANG EFISIEN BAGI MELAHIRKAN PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR YANG KOMPETEN DAN SELAMAT

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 3: Pelaksanaan sistem pentauliahan dan akreditasi pengajar dan penguji pemandu	1. Melaksanakan persijilan kompetensi berterusan penguji & pengajar IM	i. Peratus PerSijilan Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap II & III dengan KSM (JPK)	i. 10% daripada jumlah penguji & pengajar	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
		ii. Peratus penarafan akreditasi dengan badan profesional antarabangsa	ii. 5% daripada jumlah penguji & pengajar	2018 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
		iii. Peratus pelaksanaan <i>refresher</i> kepada Penguji & Pengajar	iii. 90% penguji & pengajar mengikuti program <i>refresher</i>	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
Strategi 4: Pelaksanaan sistem pengurusan latihan dan pengujian memandu berteknologi tinggi	1. Penambahbaikan sistem ICT <i>mySikap</i> Pelesenan Pemandu termasuk - 2BHigh impact - eTesting - eKhidmat - ePanduSihat - eBook	i. Peratus pelaksanaan modul sistem ICT pelesenan pemandu berdasarkan Pelan ICT JPJ	i. 90% sistem dilaksanakan menjelang 2020	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
		ii. Pelan ICT modul pelesenan dibangunkan	ii. (1) satu <i>blueprint</i> Pelan ICT modul Pelesenan Pemandu diterbitkan	2017 - 2019	Pelesenan Pemandu (M) & Teknologi Maklumat (IT)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN SISTEM LATIHAN, PENGUJIAN DAN PELESENAN PEMANDU YANG EFISIEN BAGI MELAHIRKAN PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR YANG KOMPETEN DAN SELAMAT

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB	
Strategi 5: Memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan pelesenan pemandu yang berkualiti dan berintegriti	1. Pelaksanaan Sistem Penyampaian Berkualiti Pelesenan Pemandu	i. Peratus Modul utama Pelesenan Pemandu disijilkan ISO	i. 90% Modul utama Pelesenan Pemandu disijilkan ISO	2016 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)	
		ii. Peratus urusanniaga <i>online</i> dilaksanakan	ii. 30% pembaharuan Lesen Memandu melalui portal menjelang 2020	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)	
	2. Perekaryasaan proses & prosedur pelesenan pemandu	Peratus penambahbaikan sistem, proses & prosedur berdasarkan pendekatan grid <i>ERRC NBOS</i>	60% Modul transaksi utama Pelesenan Pemandu direkayasa	2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)	
	3. Menjalinkan kerjasama strategik	Bilangan Pelaksanaan kolaborasi bersama IPTA/MIROS bagi kajian penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan dan penghasilan pemandu yang kompeten, mematuhi peraturan dan berhemah	i. (2) Dua kerjasama strategik dilaksanakan bersama IPTA/MIROS		2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)
			ii. Satu <i>blueprint</i> Pelan penambahbaikan sistem penyampaian pelesenan pemandu dihasilkan untuk pelaksanaan		2017 - 2020	Pelesenan Pemandu (M)

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 3

**MEMPERKASAKAN INDUSTRI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
MELALUI PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN KENDERAAN YANG
MEMATUHI PIAWAIAN ANTARABANGSA SUPAYA SELAMAT
DIGUNAKAN DI JALAN RAYA**

“Bagi sebuah negara yang ingin menentukan daya saing, kita perlu membuat perubahan dan perubahan ini telah kita gariskan dalam Dasar Transformasi Negara. Sebab itu dalam tahun 2014 ini dan tahun-tahun yang akan datang, kita mesti meneruskan Dasar Transformasi Negara kita. Matlamat utama kita ialah untuk mencapai status negara maju dalam tempoh masa yang semakin pendek.”

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak
Perdana Menteri

AKTIVITI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN INDUSTRI KEJURUTERAAN AUTOMOTIF MELALUI PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN KENDERAAN YANG MEMATUHI PIAWAIAN ANTARABANGSA SUPAYA SELAMAT DIGUNAKAN DI JALAN RAYA

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI / KUALITI)	SASARAN (BILANGAN / PERATURAN)	TAHUN / TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
Strategi 1: Menerajui pelaksanaan rangkakerja <i>World Forum For Harmonization of Motor Vehicle Regulation (WP29)</i> dan Peraturan United Nations (UN) di Malaysia	1. Mengukuhkan dasar pelaksanaan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) dan Komponen (CTA), <i>Conformity of Production (CoP)</i> dan Persijilan Peraturan UN (Malaysia E52)	Bilangan Peraturan UN di bawah CoP	10 Peraturan UN	2020	Kejuruteraan Automotif (KA)
		Bilangan Peraturan UN yang dilaksanakan melalui VTA dan CTA	Melaksanakan 100 Peraturan UN menjelang tahun 2020	2020	Kejuruteraan Automotif (KA)
		Bilangan Peraturan UN yang diwartakan	Mewartakan 118 Peraturan UN menjelang tahun 2020	2020	Kejuruteraan Automotif (KA)
